

# Perkaitan Bahasa Melayu dengan Bahasa Rumpun Austronesia

Oleh MOHD. PAUZI MAHMAD

**Ada dua rumpun bahasa, iaitu Austroasia dan Austronesia. Bahasa Melayu tergolong dalam rumpun Austronesia.**

**P**erkaitan kekeluargaan antara bahasa dianalogikan kepada perkaitan kekeluargaan antara manusia. Dengan hal demikian, dalam bahasa juga, ada perkaitan yang dekat dan yang jauh. Sekumpulan bahasa yang memperlihatkan lebih banyak sifat yang sama antara bahasa itu akan menganggotai satu kelompok yang berlainan daripada kelompok yang lain yang mempunyai anggotanya sendiri, walaupun antara kedua-dua kelompok itu masih juga terdapat perkaitan kekeluargaan. Atas dasar perkaitan itu, bahasa dimasukkan ke dalam kelompok yang diberi nama khusus berdasarkan lama waktu masing-masing.

Yang dimaksudkan oleh lama waktu sesuatu bahasa itu ialah usia bahasa tersebut dikira dari masa bahasa itu berpecah daripada bahasa induknya. Dengan hal demikian, lama waktu sesuatu kumpulan bahasa itu ialah umur kumpulan tersebut yang dikira dari tarikh kumpulan itu berpisah daripada kumpulan yang lebih besar yang mempunyai berbagai-bagai kumpulan yang lebih kecil. Dengan berdasarkan lama waktu bahasa yang mempunyai perkaitan kekeluargaan, bahasa digolongkan ke dalam rumpun, keluarga serta subkeluarga.

Yang dimaksudkan oleh rumpun ialah kumpulan bahasa yang mempunyai lama waktu antara 2500 hingga 5000 tahun. Rumpun yang kurang dari 2500 lama waktunya disebut sebagai keluarga. Keluarga dapat dibahagikan kepada subkeluarga. Pembahagian yang seumpama itu disebut sebagai pengelompokan bahasa.


Pembahagian kelompok tidak berhenti pada subkeluarga, tetapi dapat diteruskan pemerincian subkeluarga itu kepada subkeluarganya dan seterusnya. Walau bagaimanapun, pada amnya, kelompok kecil itu juga dirujuk sebagai subkeluarga atau subkelompok dengan diberi keterangan lanjut berdasarkan nama bahasa atau tempat tertentu. Misalnya, dalam pemerincian, bahasa Melayu dan bahasa Iban termasuk dalam satu kumpulan yang sama yang dapat dinamai subkeluarga atau subkelompok Melayu. Jika kita betul-betul mengikut pemerinciannya, subkeluarga tersebut sebenarnya hendaklah dinamai subsusbkeluarga dan hal itu merumitkan. Oleh itu, ahli linguistik berhenti pada istilah subkeluarga sahaja.

Sebagai akibat konsep rumpun, keluarga dan subkeluarga, bahasa

yang kawasan penyebarannya dari Formosa ke New Zealand serta Madagaskar ke kepulauan Easter diletakkan dalam satu rumpun yang dinamai rumpun Austronesia. Tidak dapat dikatakan dengan pasti akan jumlah bahasa yang termasuk dalam rumpun Austronesia. Jika di Malaysia ada kira-kira 50 bahasa, di Indonesia lebih kurang 400 bahasa, manakala di Filipina 250 bahasa, jumlah keseluruhannya barangkali mencecah ribuan.

Istilah Austronesia untuk rumpun bahasa yang turut meliputi bahasa Melayu pertama kali digunakan oleh sarjana linguistik bandingan, Wilhelm Schamidt, yang banyak meneliti bahasa dalam rumpun itu dan bahasa yang terdapat di daratan Asia pada abad kesembilan belas. Dengan adanya perkataan dalam bahasa di daratan Asia yang sama atau hampir sama dengan bahasa di pulau di selatannya, Schamidt membuat kesimpulan bahawa pada satu waktu yang lalu, bahasa itu berasal daripada satu sumber yang sama, tetapi perkaitan kekeluargaan itu disusurgalurkan kepada jarak masa yang sangat lama, yakni 5000 tahun atau lebih. Sumber yang menurunkan bahasa di daratan dan pulau itu diberi nama filum, yakni filum Austrik.

Istilah filum merujuk kelompok bahasa yang lama waktunya 5000 tahun atau lebih. Filum Austrik berpecah kepada dua cabang, yang akhirnya berkembang menjadi rumpun, yaitu Austroasia dan Austronesia.




Perkataan Austrik berasal daripada kata dasar *austro* dalam bahasa Latin yang bermaksud selatan. Dengan hal demikian, filum Austrik bermakna filum bahasa di kawasan selatan sebagai lawan filum utara, seperti filum bahasa China dan bahasa Tibet.

Oleh itu, istilah Austroasia bermaksud Asia Selatan. Rumpun tersebut terdiri daripada bahasa Cham dan bahasa Mon-Khmer yang semuanya terdapat di daratan Asia bahagian selatan. Sebahagian besar bahasa orang asli Malaysia turut termasuk dalam rumpun itu.

Istilah Austronesia pula dibentuk daripada unsur Latin, iaitu *austro*, dan unsur Yunani, yakni *nesos*, iaitu pulau. Dengan itu, Austronesia bermakna pulau selatan. Dalam pengertian rumpun tersebut, sungguhpun Semenanjung Tanah Melayu bukan pulau, bahasa Melayu dan satu atau dua bahasa orang asli, seperti Temuan dan Jakun, digolongkan sebagai bahasa Austronesia.

Sekarang istilah Austronesia sudah umum digunakan. Sebelum itu, istilah yang lebih terkenal ialah Melayu-Polinesia. Orang yang pertama menggunakan istilah itu ialah E. Wilhelm Von Humboldt, juga pada abad kesembilan belas. Humboldtlah yang pertama kali membangkitkan persamaan antara bahasa di perpulauan Polinesia, yakni bahasa yang meliputi bahasa Fiji, bahasa Maori, bahasa Hawaii dan sebagainya, dengan bahasa Melayu. Istilah Polinesia dicipta oleh William Marsden yang juga membangkitkan hal yang sama.

Rumpun Austronesia dibahagikan kepada empat keluarga, iaitu Polinesia, Mikronesia, Melanesia dan Indonesia.




Bahasa keluarga itu menganggotai rumpun Austronesia berdasarkan sifat persamaan antara satu sama lain. Di samping persamaan, terdapat juga perbezaan. Perbezaan tersebutlah yang menjadi asas pembahagian keluarga itu. Persamaan dan perbezaan antara keluarga itu meliputi sistem bunyi, pembentukan kata serta ayat dan perbendaharaan kata.

Keluarga Indonesia meliputi kawasan dari Formosa di utara ke perpulauan Maluku serta Filipina yang merupakan sempadannya di sebelah timur, dan Pulau Timor di selatan, manakala di sebelah barat ialah Madagaskar. Kawasan penyebaran bahasa Indonesia itu dianggap sebagai pusat bagi keseluruhan kawasan Austronesia atas beberapa sebab. Yang pertama, bahasa di kawasan itu memperlihatkan perkembangan yang sangat pesat dari segi bentuk bahasanya. Yang kedua, keluarga itu melebihi mana-mana keluarga dari segi jumlah bahasa. Daripada keluarga itu, bahasa Melayulah yang paling pesat perkembangannya dan dijadikan sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia. Di Indonesia, Brunei dan Malaysia, bahasa itu memainkan peranan sebagai bahasa pengantar hingga peringkat pengajian tinggi dan itulah faktor utama yang mendorong perkembangannya.

Di samping kedua-dua sebab itu, kawasan penyebaran bahasa Indonesia terletak di pertengahan perjalanan antara bahagian yang penting dalam kebudayaan dan perdagangan. Sejak awal abad Masihi, kawasan itu menjadi tempat persinggahan pedagang dari Barat, iaitu India, negara Barat dan negara Arab, ke Timur Jauh, dan sebaliknya. Semua kerajaan yang besar yang pernah menjadi pemerintah di alam Austronesia terdapat di kawasan Indonesia, seperti kerajaan Melayu Johor, kerajaan Melayu Melaka, kerajaan Brunei dan kerajaan Majapahit.

Dari segi kesusasteraan tertulis, bahasa di kawasan Indonesia mempunyai kepustakaan yang bukan sahaja lebih banyak daripada yang terdapat di kawasan lain, tetapi juga yang sangat tinggi nilainya. Tradisi kesusasteraan tertulis bermula sejak orang di kawasan Indonesia mula belajar menulis dan tradisi itu diteruskan hingga sekarang. Contoh yang paling baik ialah kesusasteraan Melayu yang terdapat dalam bahasa Melayu Brunei dan bahasa Indonesia. Di samping itu, kesusasteraan yang ditulis dalam bahasa yang lain juga tidak kurang banyaknya, seperti kesusasteraan Minangkabau, Jawa, Aceh dan Sunda.

Keluarga Polinesia meliputi bahasa yang dituturkan di Fiji dari sekitarnya, dan kawasannya membentang ke selatan hingga New Zealand, serta ke timur hingga Hawaii dan kepulauan Easter.



Keluarga Melanesia pula berpusat di New Guinea (tidak termasuk bahasa Papua), Halmahera dan pulau di sekitarnya.

Keluarga Mikronesia terdapat di sebelah timur Filipina, yakni meliputi pulau Truk, Guam, Chamoro dan Palauan, dan pulau lain di sekitarnya. **PS**